



**ISMAIL (tengah) bergambar bersama pelajar baharu UMS selepas program riadah.**

## Program riadah terap budaya hidup sihat kepada pelajar baharu UMS

UB 11.9.2014 AC

**KOTA KINABALU:** Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (TNC HEPA) Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Madya Dr Ismail Ali telah menjayakan program riadah bersama pelajar baharu di Stadium Kompleks Sukan UMS baru-baru ini.

Riadah itu berlangsung selama 45 minit dan merupakan

salah satu pengisian sempena Minggu Suai Mesra (MSM) bagi sesi kemasukan pelajar 2014/2015.

Menurut Ismail, ia diadakan untuk membudayakan amalan hidup sihat dan cergas dalam kalangan mahasiswa baharu seiring dengan budaya sedia ada dalam kalangan siswaswisi UMS.

“Kita mahu melahirkan

mahasiswa yang seimbang bukan sahaja cemerlang dalam akademik malah aktif dalam kokurikulum yang dilengkapi dengan fizikal dan mental sihat dan cergas,” katanya.

Turut menjayakan riadah itu ialah Ketua Pengarah MSM Prof Madya Dr Baba Musta dan Ketua Jabatan HEPA Mohd Raffie Janau.